

# Takutlah kepada kuasa Allah

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal. (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka. (ali-Imran: 190-191)*



PERTUKARAN malam dan siang jelas membuktikan kekuasaan Allah SWT. -Gambar hiasan

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

**I**MAM Fakhru al-Razi menerangkan hubungan ayat ini dengan sebelumnya seraya berkata: Ketahuilah bahawa maksud daripada kitab yang mulia ini untuk menarik hati dan roh daripada sibuk dengan makhluk kepada tenggelam untuk makrifatullah.

## Ayat ke-190

Firman Allah SWT yang bermaksud: *Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan, dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal.*

### Sebab nuzul

Ibn Jauzi menyebut tiga pendapat berkenaan dengan sebab nuzul:

**Pertama:** Orang Quraish bertanya kepada Yahudi: Apakah yang dibawa kepada kamu oleh Musa? Jawab mereka: Tongkat dan tangannya yang bercahaya. Mereka bertanya kepada Nasara: Apa yang dibawa kepada kamu oleh Isa? Jawab mereka: Menyembuhkan sopak, kusta dan menghidupkan yang mati. Kemudian mereka datang kepada Nabi seraya berkata: Doalah kepada Tuhanmu supaya Allah menjadikan kami bukit Sofa sebagai emas. Lantas turunnya ayat ini. Inilah pendapat Ibnu Jubair daripada Ibnu Abbas.

**Kedua:** Penduduk Mekah bertanya Nabi supaya mendatangkan kepada mereka bukti. Lantas turunnya ayat ini. Inilah riwayat Abu Soleh daripada Ibnu Abbas.

**Ketiga:** Tatkala turunnya firman Allah yang bermaksud: *Dan Tuhan kamu Tuhan yang satu.* Orang Quraish berkata: Sesungguhnya dia menyamakan di antara tuhan-tuhan kita, justeru, datangkanlah kepada kami ayat atau bukti. Lantas turunnya ayat ini. Inilah pendapat Abu al-Dhuha yang bernama Muslim bin Subaih.

### Iktibar dan fiqh ayat:

i. Ibnu Kathir berkata: Kadang-kadang terdapat malam yang panjang dan siang yang pendek. Lalu masing-masing

## Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

(SIRI KE-73)

menjadi seimbang.

ii. Al-Sonhaji berkata: Ayat ini memerintahkan kepada setiap orang yang mempunyai akal yang sihat supaya memusatkan pemerhatian mereka kepada kejadian langit dan bumi beserta dengan segala isinya.

iii. Para Mufassirin mengatakan: Ayat ini mengenai solat. Orang yang sembahyang itu hendaklah berdiri, jika tidak berdaya hendaklah duduk dan jika tidak berdaya duduk hendaklah baring mengiring di sebelah lambungnya. Sembahyang itu tidak boleh sekali-kali ditinggalkan dan mesti dilakukan dalam apa cara sekali pun.

iv. Syaikh Muhammad Abu Zahrah berkata: Ayat ini menyeru kepada *tadabbur* dan fikir kepada alam yang maha hebat ini dan juga Penciptanya.

v. Syed Qutub berkata: Kegiatan berfikir pada kejadian Allah SWT meneliti kitab alam buana yang terbuka, mengesani tangan kudrat Ilahi yang Maha Pencipta ketika Dia menggerakkan alam ini dan membalik-balikkan lembaran kitab alam ini merupakan jantung ibadat kepada Allah dan zikir kepada-Nya. Seandainya ilmu-ilmu sains yang mengkaji tentang susunan bentuk alam buana, undang-undang dan peraturannya, kekuatan-kekuatan dan perbendaharaan-perbendaharaannya, rahsia-rahsia dan tenaga-tenaganya mempunyai hubungan dengan mengingati Pencipta alam buana ini dan mempunyai hubungan dengan kesedaran terhadap kebesaran dan limpah kurnia-Nya. Nescaya ilmu-ilmu sains itu akan terus berubah kepada kegiatan beribadat dan mendirikan solat kepada Allah SWT.

vi. Al-Maraghi berkata: Kedudukan langit dan bumi yang begitu rapi susunannya, serta ciptaannya begitu mengagumkan sekali. Pertukaran malam dengan siang berjalan dengan teratur sepanjang tahun itu dapat kita saksikan kesannya terhadap badan dan akal kita

melalui pancaran panas cahaya matahari dan dingin malam, juga terhadap haiwan dan tumbuh-tumbuhan serta lain-lain. Semua itu menjadi bukti kebenaran keesaan Allah SWT, kesempurnaan ilmu dan kekuasaan-Nya.

vii. Muhammad Quraish Shihab berkata: Kata al-albab adalah dalam bentuk jama' daripada lubb iaitu saripati sesuatu. Kacang, misalnya memiliki kulit yang menutupi isinya. Isi kacang lubb. Ulul albab adalah orang-orang yang memiliki akal yang murni yang tidak diselubungi oleh kulit untuk melahirkan kerancangan berfikir. Fenomena alam raya yang dapat sampai kepada bukti yang sangat nyata tentang keesaan dan kekuasaan Allah SWT.

Dinyatakan definisi ulul albab, ia merangkumi dua perkataan. Ulul yang bermaksud tuan, empunya atau pemilik manakala albab pula membawa maksud hati. Dalam *Lisan al-Arab* 8/16, oleh Ibn Manzur menyebut definisi Ulul Albab:

i. Ibnu al-Arabi berkata: Albal ialah al-Bal yang bermaksud akal.

ii. Dengan maksud beradab.

iii. Dengan maksud keluasan.

iv. Dengan maksud kesuburan.

v. Dengan maksud keamanan.

vi. Dengan maksud di hadapan.

vii. Al-Ahmar berkata: Lub ialah tapisan seperti tanah atau pasir yang halus.

viii. Dengan maksud tempat sembelih daripada sesuatu.

Sebahagian pendapat di atas disebut dalam *al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi*.

## Ayat ke-191

Firman Allah SWT yang bermaksud: *(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring; dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.*

### Iktibar dan fiqh ayat:

i. Perkataan zikir ditafsirkan dengan

tiga pendapat:

● Zikir dalam solat. Inilah pendapat Ali, Ibnu Mas'ud, Ibnu Abbas dan Qatadah.

● Zikir dalam solat dan lainnya. Inilah pendapat sekumpulan ahli tafsir.

● Perasaan takut dengan maksud mereka merasa takut kepada Allah ketika berdiri, duduk dan ketika hampir tidur. Seperti yang dinukilkan oleh Ibnu al-Jauzi.

ii. Ibnu Faris berkata: Fikir atau fikrah dengan maksud hati sentiasa teringat kepada sesuatu.

iii. Ibnu Abbas pula berkata: Dua rakaat yang dilakukan dengan penuh fikiran dan penghayatan lebih baik daripada mendirikan sepanjang malam dalam keadaan hati lalai.

iv. Al-Maraghi berkata: Ayat ini mengandungi pengajaran kepada orang mukmin bagaimana cara mereka berbicara dengan Tuhan, sewaktu mendapat petunjuk, menunjukkan kebaikan dan kemuliaan Tuhan dalam penciptaan makhluk-makhluk-Nya.

v. Para Mufassirin mengatakan: Ayat ini mengenai solat. Orang yang sembahyang itu hendaklah berdiri, jika tidak tidak berdaya maka hendaklah duduk dan jika tidak berdaya duduk hendaklah baring mengiring disebelah lambungnya. Sembahyang itu tidak boleh sekali-kali di tinggalkan dan mesti dilakukan dalam apa cara sekalipun.

vi. Muhammad Quraish Shihab berkata: Manusia yang membaca lembaran alam raya, nescaya akan mendapatkannya. Sebelum manusia mengenal peradaban, mereka yang menempuh jalan ini telah menemukan kekuatan itu, walau nama yang disandangkan untuk-Nya bermacam-macam seperti Penggerak Pertama, Yang Maha Mutlak, Pencipta Alam, Kehendak Mutlak, Yang Maha Kuasa, Yahwa Allah dan sebagainya.

Semoga kita menjadi golongan yang sentiasa berfikir dan berzikir dan melayakkan untuk mencapai marta bat kedudukan Ulul Albab yang sentiasa berdoa kepada Allah supaya diselamatkan daripada api neraka-Nya. Amin.